



MOHD. GHAUS ABDUL KADIR (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang sambil disaksikan **Lokeman Saaid** (tiga dari kiri) sempena Pertandingan Kawad Tahunan Briged Rela Siswa Siswi Politeknik di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Rela sedia hadapi kemungkinan gempa bumi lebih kuat di Sabah

BUKIT MERTAJAM 9 Jun - Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan ramalan pakar geologi bahawa gempa bumi lebih kuat mungkin akan berlaku di Sabah.

Ketua Pengarahnya, Lokeman Saaid berkata, ketika ini, lebih 200,000 anggota Rela sedia ada di negeri itu mampu menghulurkan bantuan sekiranya keadaan berkeadaan berlaku.

Katanya, di setiap daerah di Sabah, terdapat Pusat Pengurusan Krisis dengan setiap satu mempunyai

kekuatan 50 anggota tetap yang akan menyelaraskan pergerakan anggota Rela yang lain.

"Kita sentiasa bersedia malahan anggota Rela dari Semenanjung Malaysia juga boleh dikerahkan ke sana dan biasanya penyelarasan akan dibuat dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Kawad Tahunan Briged Rela Siswa Siswi (Relasis) Politeknik di Politeknik Seberang Perai (PSP),

di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Pengajian Politeknik, Mohd. Ghaus Abdul Kadir dan Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin.

Akhbar hari ini melaporkan pakar geologi, Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan menyatakan Sabah berkemungkinan akan dilanda gempa bumi lebih besar berikutan 54 gegaran susulan dicatatkan selepas gempa sekuat 5.9 skala Richter menggegarkan Ranau pada Jumaat lalu yang menyebabkan 18

orang terkorban.

Mengulas lanjut, Lokeman berkata, pihaknya juga bercadang memperkenalkan modul latihan baharu untuk anggotanya menyesuaikan diri dengan keadaan semasa.

"Biasanya anggota Rela terlibat membantu mengedarkan makanan atau pakaian di kawasan bencana tetapi mengambil kira perkembangan baharu melibatkan bencana alam yang berlaku di negara kita, penambahbaikan dalam latihan akan dilakukan termasuk ketika hadapi gempa bumi," katanya.